

# Kanak-kanak Tabika Kemas kunjungi UMSKAL

UB 9.10.2014 #13

LABUAN: Sekumpulan pelajar Sarjana Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan program Pengisian Nilai Moral Untuk Kanak-Kanak. Melalui Permainan Video di Makmal Komputer UMSKAL.

Seramai 73 kanak-kanak daripada Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Kemas di Wilayah Persekutuan Labuan bersama guru-guru pengiring telah menghadiri program itu.

Tabika-tabika yang terlibat didalam aktiviti ini adalah Tabika Kemas



**KANAK-KANAK** Tabika Kemas gembira dapat mengunjungi UMS Kampus Antarabangsa Labuan.



**ZAMHAR** menyampaikan cenderamata kepada Salmiah.

Kerupang, Tabika Kemas Kg Pantai, Tabika Kemas Sg Bedaun dan Tabika Kemas Sg Lada.

Program yang diadakan itu bertujuan membantu kajian yang telah dilaksanakan oleh pelajar Sarjana FKI

yang mengkaji penerapan nilai-nilai moral dengan menggunakan permainan video terhadap kanak-kanak.

Buat julung kalinya program anjuran Universiti Malaysia Sabah dengan

kerjasama Tabika Kemas Labuan berjaya dilaksanakan.

Timbalan Dekan Akademik dan Inovasi, Fakulti Komputeran dan Informatik Dr Zamhar Iswandono Ag Ismail yang juga selaku penyelar program dan penyelia pelajar sarjana itu merasmikan program berkenaan.

Dalam ucapan perasmian, Zamhar berkata selaku pendidik dan juga bapa, beliau tidak lagi mampu untuk menyekat anak-anaknya untuk bermain permainan video.

Dengan kajian seperti itu, beliau berharap agar industri permainan video dapat menghasilkan permainan-permainan video yang memberikan faedah untuk kanak-kanak.

“Dengan itu, saya mampu mengawal dan memilih permainan video yang sesuai untuk kanak-kanak,” katanya.

Zamhar juga berharap agar program itu dapat mengeratkan lagi hubungan diantara Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa

Labuan (UMSKAL) dengan Tabika Kemas Labuan.

Antara aktiviti utama program berkenaan ialah sesi permainan video oleh kanak-kanak.

Kesemua permainan video yang dimainkan di makmal komputer itu adalah direka sendiri oleh pelajar Sarjana Fakulti Komputeran dan Informatik, hasil daripada kajiannya.

Sementara itu, Penyelia Prasekolah Kemas Labuan Salmiah Haji Daud yang mewakili Tabika Kemas Labuan berkata, pihaknya amat berterima kasih kepada pihak penganjur di atas kesudian menjemput kanak-kanak Tabika Kemas untuk menghadiri program itu.

Beliau bersyukur atas kajian-kajian yang dilakukan kerana kajian berkenaan amat berfaedah untuk kanak-kanak dan juga membantu memantapkan lagi usaha guru-guru tabika untuk mendidik kanak-kanak terutamanya dengan teknologi pada zaman sekarang.

Salmah juga berharap agar program seperti itu dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.